

(30 Oktober 2022) BH, p19

DBKL naik taraf laluan sungai, sistem pengesanan banjir

14 langkah interim dilaksana untuk persediaan hadapi tengkujuh

Oleh Raja Noraina Raja Rahim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sudah menaik taraf dan menambah baik sungai serta sistem pengesanan banjir di ibu negara sebagai persediaan menghadapi musim tengkujuh.

Ketua Setiausahaanya, Datuk Seri Rosida Jaafar, berkata inisiatif itu antara 14 langkah interim yang dilaksanakan di bawah Pelan Tindakan Tebatan Banjir Kilat 2022.

"DBKL sudah menaik taraf laluan sungai dan memastikan ia dalam keadaan baik, selain turut membaik pulih siren amaran banjir. Kita kuatkan bunyi siren supaya penduduk lebih peka dan kita pun sudah buat simulasi.

"Kita jangkakan jika taburan hujan sekitar 100 milimeter ke 200 milimeter (mm) iaitu melebihi normal 30 mm, air (sungai) akan naik dan apa yang dilak-

sanakan DBKL ketika ini dijangka dapat mengatasi berlakunya banjir kilat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan pada program Titipan Kasih Wilayah Persekutuan Hijau di Taman Herba Projek Perumahan Rakyat (PPR) Raya Permai, Sungai Besi di sini, semalam.

Media sebelum ini melaporkan, DBKL melaksanakan 14 langkah interim dengan kos sekitar RM10 juta di bawah Pelan Tindakan Tebatan Banjir Kilat 2022 sebagai langkah segera sebelum penyelesaian jangka panjang yang kini masih dalam kajian Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) dan dijangka selesai April tahun depan dapat dilaksanakan.

Pelan berpandukan ramalan cuaca Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) itu membatikan 25 'hotspot' antaranya Jalan Pintasan Segambut, Jalan Rahmat, Jalan Sultan Azlan Shah, Lebuhraya Sultan Iskandar dan Jalan Maharajalela.

DBKL salur maklumat

Rosida berkata, langkah DBKL seterusnya adalah mendekati masyarakat untuk menyalurkan maklumat mengenai amaran banjir supaya mereka sentiasa peka dan berwaspada.

"Apabila kita sudah memastikan naik taraf dan baik pulih



Rosida bersama komuniti PPR Raya Permai memetik anggur pada program Titipan Kasih Wilayah Persekutuan Hijau di Kebun Komuniti PPR Raya Permai, Sungai Besi, semalam.
(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

dibuat, apa kita lakukan sekurang-berjuma penduduk supaya mereka faham jika terdengar bunyi siren amaran itu," katanya.

Mengenai program Titipan Kasih Wilayah Persekutuan Hijau, beliau berkata, kementerian

akan menilai untuk memberi insentif kepada penduduk PPR Raya Permai bagi menambah baik Taman Herba sedia ada.

Katanya, kementerian pernah memberikan insentif sewaktu di awal penubuhan tempat penana-

man sayur dan herba yang diusahakan penduduk itu, malah berbangga selepas melihat taman berkenaan berjaya dibangunkan termasuk dengan bantuan sukarelawan belia dikenali 'Eco Rangers'.